



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 6 TAHUN 2012**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara – Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara

Semua Ketua Pusat Gaji

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS**

**PRESTASI KALI KEDUA KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

**PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012**

**1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut :

- i. Imbuhan Tahunan kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan

- ii. Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
  - 1.2 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012.
- 2. ASAS PENGIRAAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**
- Asas pengiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi perlu merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012.
- 3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

- 3.1 Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini akan **dibayar bersekali dengan gaji bulan Disember 2012 dan gaji bulan Januari 2013**. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi :

3.1.1 Cukai Pendapatan

Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah tertakluk kepada layanan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, Potongan Cukai Bulanan (PCB) tidak dipotong dari amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi semasa pembayaran ini dibuat, tetapi akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan.

Pegawai perlu menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

### 3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran ‘Upah’ dalam Seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

### 3.1.3 Bayaran Bagi Pegawai di Bawah Sistem Gaji Berkomputer (*Payroll*)

- i. Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/ Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan Pengiraan Bonus** sebagai ganti Borang Perubahan Gaji (SG20);
- ii. Pusat Gaji hendaklah **menyemak** amaun dalam **Laporan Pengiraan Bonus** seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012;
- iii. Pusat Gaji hendaklah mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikutnya amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai di bawah pengurusannya;

- iv. Bagi kes pegawai bertukar keluar (T42) dan bersara (T49) yang mana gajinya masih diproses dalam *Payroll* di Jabatan lama, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar oleh Jabatan lama dengan **menggunakan baucar bayaran berasingan**; dan
- v. Merujuk kepada Para 17 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2012, bagi tujuan mengelakkan keciciran atau kelewatan dalam pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai yang telah bertukar keluar tetapi gajinya masih dibayar di Jabatan lama, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah dibayar oleh Jabatan lama.

#### 3.1.4 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bagi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain.

#### 3.1.5 Pelarasian Untuk Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

Pelarasian yang sewajarnya jika perlu, hendaklah dibuat oleh Kementerian/ Jabatan dalam **tahun semasa**.

### 3.1.6 Kod Urus Niaga

Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut :

<b><u>KOD SODO</u></b> (Baucar Bayaran)	<b><u>KOD ELAUN</u></b> ( <i>Payroll</i> )	<b><u>PERIHAL KOD SODO</u></b>
17101	1056	Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
17201	1056	Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
53101	1056	Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap
17103	1501	Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama
17203	1501	Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan
17101	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
17201	1533	Pelarasan Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
17103	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Jawatan Utama
17203	1532	Pelarasan Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan

#### **4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI**

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini menggunakan peruntukan tahun semasa yang sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**(HAWAZAIN BINTI SHAARI)**  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

**27** November 2012

s.k. :

1. Ketua Audit Negara
2. Semua Akauntan/ Bendahari Negeri
3. Ketua Pegawai Eksekutif LHDN
4. Ketua Pegawai Eksekutif KWSP